



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN PRIHATIN: PROGRAM JELAJAH SIMPAN SSPN 2022 BANTU PELAJAR ASNAP

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa cakna dalam membantu masyarakat terutamanya golongan asnaf melalui program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dianjurkan. PTPTN menjadikan Simpan SSPN sebagai platform terbaik untuk menggalakkan ibu bapa memulakan simpanan agar anak-anak tidak tercicir dari mendapat akses pendidikan tinggi disebabkan masalah kewangan.
2. Pelbagai usaha dilaksanakan PTPTN bagi meningkatkan kesedaran perancangan kewangan dalam aspek pendidikan. Pada hari ini, PTPTN menganjurkan Program Jelajah Simpan SSPN 2022 Kawasan Langkawi yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengurus PTPTN bertempat di Aseania Resort & Spa Langkawi, Kedah. Turut hadir Puan Hajah Rohani Datuk Hj. Mohd Shahir, Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN, Ahli-ahli Lembaga Pengurusan PTPTN, En. Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN dan Encik Sabri Osman, Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.
3. Program Jelajah Simpan SSPN merupakan program *signature* yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2019 dan diteruskan pada tahun ini. Tujuan penganjuran program adalah untuk membantu pelajar asnaf dari aspek pendidikan serta sebagai galakan awal untuk memulakan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi mereka. Program ini juga bertujuan agar PTPTN lebih dekat dengan masyarakat bagi membentuk kesedaran penabungan melalui Simpan SSPN untuk jaminan masa depan anak-anak Malaysia.

4. Program Jelajah Simpan SSPN 2022 melibatkan sumbangan zakat PTPTN kepada 3,000 orang pelajar asnaf dari 30 kawasan terpilih di beberapa negeri yang diberikan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime. Di negeri Kedah, Program Jelajah Simpan SSPN akan melibatkan 16 kawasan dan kawasan Langkawi merupakan salah satu lokasi untuk diadakan program ini. Seramai 100 orang pelajar asnaf di kawasan ini menerima sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime bernilai RM100 setiap seorang dengan peruntukan berjumlah RM10,000. Program ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi, Maktab Rendah Sains MARA Langkawi (MRSM Langkawi), pihak sekolah dan pemimpin setempat.
5. Pengurus PTPTN, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, "Program seumpama ini sudah tentu akan memberi manfaat kepada masyarakat dan membantu golongan yang memerlukan. Inilah bukti usaha PTPTN yang sentiasa komited dan prihatin untuk membantu dan menyokong masyarakat dalam memartabatkan pendidikan."
6. "Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru agar penabungan melalui Simpan SSPN dijadikan pilihan utama bagi pemberian insentif/ hadiah kecemerlangan/ kokurikulum kepada pelajar. Dengan itu, PTPTN juga amat mengalu-alukan kerjasama daripada pelbagai agensi lain untuk sama-sama membudayakan amalan penabungan dan menyokong usaha PTPTN sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara," tambah Wan Saiful lagi.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
26 Mac 2022